

**PROGRAM
KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

PENDAHULUAN

Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun hingga 12 tahun yang dilaksanakan sejak tahun 1990. Program ini memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran serta asas-asas fardu ain bagi membentuk kemenjadian murid yang cemerlang di dunia dan akhirat. Pelaksanaan KAFA turut berkait dengan fungsi Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang berperanan menyelaras dan meningkatkan sistem pendidikan agama Islam yang bukan berada di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

OBJEKTIF KAFA

2. Objektif Program KAFA adalah untuk:
 - (a) Mewujudkan suatu sistem kelas pengajian al-Quran dan Fardu Ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh Malaysia;
 - (b) Memastikan kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun hingga 12 tahun di negara ini dapat mempelajari dan boleh menguasai bacaan al-Quran dengan baik;

- (c) Memastikan kanak-kanak Islam di negara ini dapat mempelajari dan mengamalkan perkara-perkara asas fardu ain; dan
- (c) Memperkuuh asas pendidikan agama Islam untuk kanak-kanak Islam dalam pendidikan al-Quran dan Fardu Ain.

PELAKSANAAN

3. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah agensi pusat yang bertanggungjawab sebagai penyelaras Program KAFA di peringkat Persekutuan merangkumi aspek dasar, kurikulum, buku teks, kaedah pentaksiran, latihan, pembiayaan, pengurusan sumber manusia, pemantauan dan penyeliaan.
4. Manakala Program KAFA dilaksanakan di peringkat negeri melalui Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN)¹ selaku Agensi Pelaksana di negeri masing-masing berdasarkan Garis Panduan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang dikeluarkan oleh JAKIM.

MURID KAFA

5. Murid KAFA ialah kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun hingga 12 tahun, atau murid tahun satu hingga tahun enam Sekolah Kebangsaan.
6. Sehingga Jun 2021, jumlah murid KAFA di seluruh negara adalah seramai 1,225,965 orang dengan jumlah Guru KAFA seramai 35,000

¹ Jabatan Agama Islam Negeri/Yayasan Islam Negeri (kecuali Sabah dan Kelantan dilaksanakan oleh JAKIM).

orang. Jumlah premis KAFA yang berdaftar pula adalah sebanyak 5,943 buah dengan jumlah kelas sebanyak 53,101 buah.

7. Waktu persekolahan murid KAFA adalah 3 hari seminggu dengan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) selama 3 jam sehari atau minima 36 jam sebulan.

GURU KAFA

8. Guru KAFA dilantik dalam kalangan mereka yang mempunyai kelulusan Pendidikan Islam berdasarkan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Mereka dilantik secara kontrak oleh Agensi Pelaksana di negeri mengikut jumlah kuota yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Sehingga tahun 2020, kuota Guru KAFA yang diluluskan adalah seramai 35,000 orang di seluruh negara.

9. Guru KAFA dibayar elaun sebanyak RM1,000.00 setiap bulan, caruman KWSP sebanyak RM130.00 dan PERKESO sejumlah RM16.65 dengan menggunakan peruntukan² Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh JAKIM.

KURIKULUM DAN BUKU TEKS KAFA

10. Program KAFA menggunakan Kurikulum dan Buku Teks KAFA JAKIM yang menekankan kemahiran amali bagi membimbing murid mengenai al-Quran dan melaksanakan ibadah khusus selain daripada penguasaan aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan.

² Peruntukan elaun Guru KAFA Tahun 2021 berjumlah RM481,593,000.00.

11. Kurikulum ini memberi tumpuan kepada pendidikan asas Tilawah al-Quran, pembentukan akidah, bimbingan fardu ain, memupuk amalan fardu kifayah dan amalan adab yang berteraskan akhlak Islamiah yang mencakupi dari Tahun 1 hingga Tahun 6.
12. Terdapat lapan subjek dalam kurikulum KAFA iaitu:
 - (a) Al-Quran.
 - (b) Akidah.
 - (c) Ibadah.
 - (d) Sirah.
 - (e) Adab.
 - (f) Bahasa Arab.
 - (g) Jawi dan Khat.
 - (h) Tahfiz al-Quran.

PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN

13. Pemantauan dan penyeliaan pelaksanaan Program KAFA di negeri-negeri dilakukan oleh Penyelia KAFA JAKIM yang dilantik secara *Contract of Service* Gred S19 yang ditempatkan di setiap negeri dan daerah. Pada masa ini terdapat seramai 383 orang Penyelia KAFA di seluruh negara.

PENTAKSIRAN

14. Peperiksaan dan pengiktirafan KAFA dinilai melalui Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK). UPKK dilaksanakan bagi murid Tahun 5 KAFA dengan penilaian kepada lapan mata pelajaran. Keputusan UPKK telah dipersetujui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk diambil

kira dalam penentuan kemasukan pelajar ke tingkatan satu di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM). Di peringkat negeri pula, keputusan UPKK turut diterima bagi kemasukan ke Sekolah Menengah Agama Negeri.

PENUTUP

15. Program KAFA adalah merupakan program pengukuhan asas Pendidikan Islam bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun hingga 12 tahun. Program ini untuk memastikan mereka dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik, mempelajari dan mengamalkan perkara-perkara asas fardu ain dalam kehidupan di samping kurikulum Pendidikan Islam yang diikuti oleh murid di sekolah kebangsaan.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pendidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

Julai 2021